

**SIARAN MEDIA**  
Untuk Siaran Segera**MSM CATAT KERUGIAN SEBELUM CUKAI LEBIH RENDAH  
SEBANYAK RM14 JUTA UNTUK S2 TK2023**

Industri gula terus berdepan dengan margin untung kasar negatif terutamanya daripada segmen borong harga terkawal disebabkan kos input tinggi yang berpanjangan, tanpa sebarang subsidi.

**KUALA LUMPUR, 24 OGOS 2023** – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula bertapis nasional jenama "Gula Prai", mencatatkan kerugian sebelum cukai (LBT) yang lebih rendah sebanyak RM14 juta untuk suku kedua (S2) bagi tahun kewangan 2023 (TK2023), berbanding LBT sebanyak RM35 juta bagi S2TK2022. Ini disebabkan oleh faktor penggunaan (UF) yang lebih tinggi, kos pengangkutan yang lebih baik serta keuntungan yang dicatatkan daripada pelupusan tanah Pulau Indah sebanyak RM8.33 juta, keuntungan daripada terjemahan baki USD sebanyak RM9.67 juta, dan keuntungan daripada kontrak hadapan USD sebanyak RM7.09 juta. Bagi separuh pertama tahun (1H2023), MSM mencatatkan kerugian bersih yang lebih rendah sebanyak RM57 juta berbanding kerugian bersih sebanyak RM62 juta pada 1H2022.

Hasil bagi suku ini meningkat kepada RM746 juta, 20% lebih tinggi berbanding suku yang sama tahun lepas sebanyak RM624 juta. Bagi 1H2023 hasil meningkat kepada RM1.33 bilion, peningkatan ketara daripada RM1.22 bilion tahun lepas. Pada 1H2023, Kumpulan merekodkan margin untung kasar negatif terutamanya daripada segmen borong harga terkawal disebabkan oleh kos input tinggi yang berpanjangan, tanpa sebarang subsidi. Oleh kerana tekanan kos luaran, kos pengeluaran telah meningkat sebanyak 12% didorong oleh kadar USD 5% lebih tinggi dan harga gula mentah 6% lebih mahal. Di samping itu, kos bahan api, yang merupakan 40% daripada kos penapisan Kumpulan, telah terkesan oleh peningkatan 49% bagi kadar gas, menyebabkan kos penapisan 28% lebih tinggi untuk tempoh tersebut.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan MSM, Syed Feizal Syed Mohammad berkata, "Industri gula terus berdepan dengan kos input tinggi yang berpanjangan berikutan peningkatan kos gula mentah, kos pengangkutan, gas asli serta Ringgit Malaysia yang lemah. Walaupun permintaan yang lebih kukuh dapat dilihat dalam pasaran tempatan dan eksport, kos input yang tinggi terus menghalang peningkatan prestasi kewangan Kumpulan."



“Segmen borong/runcit merangkumi sebanyak 43% daripada perniagaan kami dan segmen ini telah merekodkan margin negatif yang ketara sejak suku keempat 2021 tanpa sebarang subsidi atau pelarasan harga. Namun begitu, kami berbesar hati kerana Kerajaan telah meluluskan untuk mengapungkan harga gula bertapis putih tulen (“Gula Super”) yang dibezakan berdasarkan kualiti gula tersebut. Walau bagaimanapun, industri gula tempatan masih memerlukan campur tangan segera Kerajaan untuk menormalkan harga gula atau subsidi sebagai ganti dalam memastikan keterjaminan makanan dan kemampuan jangka panjang industri gula di tengah-tengah cabarannya. Kami menjangkakan pelarasan harga akan memberi kesan positif kepada industri gula tempatan pada masa hadapan,” kata Syed Feizal.

Walaupun beroperasi di bawah harga jualan terkawal yang diwartakan dan pada RM2.85/kg, Malaysia setakat ini merupakan negara pengeluar gula paling murah, berbanding negara pengeluar gula lain yang mempunyai perladangan bersepadu dan skim penjimatan tenaga seperti Thailand pada RM3.50/kg. Selebihnya, harga runcit di rantau Asia antara RM4.50 – 9.50/kg.

MSM telah mengukuhkan kedudukannya sebagai kilang penapisan gula terkemuka negara dan antara 10 kilang penapisan terbaik di dunia, menyediakan produk gula bertapis berkualiti selama lebih enam dekad. Oleh itu, MSM memastikan bekalan gula mencukupi untuk pengguna tempatan serta menjaga keterjaminan makanan Malaysia dan mengekalkan jumlah simpanan yang mencukupi untuk mengurangkan sebarang gangguan dalam rantaian bekalan global.

“Dalam pengembangan pasaran selanjutnya, MSM Johor akan meningkatkan pengeluaran untuk memenuhi pasaran eksport yang lebih besar. MSM kini mengeksport ke 17 negara. Terdapat ruang yang besar untuk mengembangkan eksport dengan pasaran lebih 4.5 juta tan setahun di Asia Pasifik. Kami telah memeterai kontrak utama dengan pemain utama makanan perusahaan milik negara di China untuk membekalkan gula premium yang ditapis dan berharap untuk membangunkan lebih banyak pasaran di kawasan berkembang pesat (*hypergrowth*) seperti Afrika,” tambah Syed Feizal.

Pertumbuhan MSM mengandungi Kelestarian melalui rangka kerja alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) yang dipertingkatkan sehati sepenuhnya dalam perniagaan dan operasi. MSM telah mencapai ekonomi pusingan dalam inisiatif buangan kepada hijau (*waste to green*) dan secara aktif mengurangkan jejak karbonnya sebagai syarikat korporat ke-10 di



Malaysia yang komited kepada Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) dan Net Zero di bawah Kompak Global Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UN Global Compact).

**-TAMAT-**

#### **Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)**

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) ialah pengeluar gula bertapis terkemuka Malaysia dan salah satu syarikat penapis gula terbesar di Asia. MSM terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama "Gula Prai". Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Sugar Refinery (Johor) Sdn Bhd. Di samping itu, MSM juga mengendalikan sebuah syarikat logistik – MSM Logistics Sdn Bhd.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 2.05 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2022, MSM mengeluarkan sebanyak 946,834 tan gula bertapis, di mana 230,903 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai sehingga 60% syer pasaran domestik. MSM telah disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia sejak 2011 dan mempunyai modal pasaran sebanyak RM598 juta setakat 30 Disember 2022. MSM menggabungkan kejayaan ekonomi bersama perlindungan alam sekitar dan tanggungjawab sosial untuk masa depan yang mampan.

MSM menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehinggalah ke gula perang halus. Kesemua produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis antara lain-lain produknya. Selain daripada produk pengguna isi rumah, MSM menjual kepada pelbagai pelanggan di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung melalui pedagang, pemborong dan pengedar. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar dalam industri minuman dan makanan, hotel, restoran dan rangkaian kedai-kedai makanan.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.msmsugar.com](http://www.msmsugar.com)

#### **Pernyataan Berpandangan Ke Hadapan**

Beberapa pernyataan dalam laporan ini mengenai operasi MSM adalah berbentuk pernyataan yang berpandangan ke hadapan. Pernyataan ini boleh dikenal pasti dengan kata-kata kunci seperti "percaya", "menganggarkan", "mengharapkan", "menjangka", "berhasrat", "mungkin", "akan", "merancang", "prospek" dan perkataan lain yang mempunyai maksud yang berkaitan dengan perbincangan mengenai prestasi operasi atau kewangan masa hadapan. Pernyataan ini berkaitan dengan rancangan, objektif, matlamat, strategi, operasi dan prestasi masa hadapan MSM. Keputusan dan hasil sebenarnya mungkin berbeza daripada yang diunjurkan dalam mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan disebabkan oleh pelbagai peristiwa, risiko, ketidakpastian dan faktor lain yang terlibat. Kami tidak berhasrat atau tidak menanggung apa-apa obligasi untuk mengemas kini atau meminda mana-mana pernyataan yang berpandangan ke hadapan, sama ada disebabkan oleh maklumat baharu, peristiwa masa hadapan atau sebaliknya.

#### **Untuk pertanyaan media sila hubungi:**

**Siti Noorbaya Mohd Yunus**  
+603 2181 5018 ext. 158  
+6016 677 6118  
[noorbaya.my@msmsugar.com](mailto:noorbaya.my@msmsugar.com)

**Syahidah Ismail**  
+603 2181 5018 ext. 154  
+6019 225 9705  
[syahidah.i@msmsugar.com](mailto:syahidah.i@msmsugar.com)